



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PENDIDIKAN MORAL
KOD KURSUS : MPU2323/MPU3023
PEPERIKSAAN : MEI 2017
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (30 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A:

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Prinsip rukun negara yang kedua ialah
 - A. Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
 - B. Keluhuran Perlembagaan
 - C. Kedaulatan Undang-undang
 - D. Kesopanan dan Kesusilaan

2. Negara merangka Wawasan 2020 pada tahun 1991 dengan matlamat untuk mewujudkan
 - A. masyarakat cemerlang dan materialistik
 - B. masyarakat maju, bersatu dan bermoral tinggi.
 - C. masyarakat yang berpecah belah
 - D. bersikap negatif, produktif dan mempunyai autonomi

3. Apakah prinsip Pendidikan Moral?
 - A. Memegang tanggungjawab terhadap alam sekitar samada darat, laut dan udara.
 - B. Menyatukan semua insan dalam satu agama walau berbagai kaum dan bangsa
 - C. Mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani
 - D. Melahirkan masyarakat yang bersatu padu pada pembangunan perniagaan sahaja

4. Moral berasal daripada perkataan Latin iaitu "Mores" bermaksud
 - A. adat dan kegunaan
 - B. perbuatan dan kelakuan yang baik
 - C. nilai norma yang membezakan tindakan manusia
 - D. kesusilaan, adab, sopan santun dan tradisi

5. Pernyataan deskriptif ialah
- A. pernyataan yang bebas daripada sebarang nilai atau tiada kaitan dengan pertimbangan nilai-nilai moral
 - B. pernyataan yang menegaskan dan menyatakan pertimbangan nilai kita baik atau buruk.
 - C. pernyataan yang tersekat dengan nilai betul atau salah
 - D. pernyataan yang merupakan sifat sesuatu.
6. Yang manakah antara pernyataan berikut merujuk kepada pernyataan deskriptif?
- A. Kereta itu berwarna biru.
 - B. Saya suka membeli kereta yang cantik dan selesa.
 - C. Hasan berbohong kepada ibu bapanya.
 - D. Aida mahu menjual laptop lamanya kepada Amir.
7. Dalam masyarakat Melayu nilai hormat terhadap ibu bapa masih stabil dalam kehidupan perseorangan dan masyarakat.
Kenyataan di atas dilihat tiada kaitan dengan pertimbangan nilai-nilai moral. Pernyataan di atas dinamakan pernyataan
- A. metaetika
 - B. moralitas
 - C. normatif
 - D. deskriptif
8. Sistem nilai atau hukum dalam Islam boleh dibahagikan kepada jenis atau bentuk yang setiap satunya melibatkan tahap hukuman. Di bawah adalah hukum yang terdapat di dalam agama Islam.
- A. Halal, haram, makruh, harus
 - B. Halal, benci, harus, sunat
 - C. Haram, puji, makruh, harus
 - D. Wajib, harus, pilihan, sunat

9. Di dalam *The Ten Commandments* terdapat sepuluh nilai moral yang dihayati oleh penganut Kristian. Antaranya ialah
- A. tidak berbohong, tidak buang sampah merata-rata, tidak percaya kepada trinitati
 - B. tidak membunuh, tidak menyakiti hati orang lain, menyebut nama Tuhan
 - C. tidak menyembah patung, menghormati ibu bapa, menjaga hak jiran
 - D. tidak mencuri, tidak merompak, tidak menjual dadah dan ganja.

Soalan 10 berdasarkan Jadual 1 di bawah.

- Tidak merokok
- Mencegah zina
- Mengelakkan penyembelihan ternakan dengan kejam

Jadual 1

10. Berdasarkan Jadual 1 di atas, agama Sikh menganjurkan

- A. tatacara hidup.
- B. tonggak hidup.
- C. gaya hidup.
- D. panduan hidup.

11. Terdapat beberapa teori etika yang utama, iaitu

- i. Teori Kemoralan Sosial
 - ii. Teori Keperibadian Mulia
 - iii. Teori Teleologis
 - iv. Teori Materialism
- A. i dan ii
 - B. i dan iii
 - C. ii dan iv
 - D. i, ii dan iii

12. Bentham telah memperkenalkan satu kaedah saintifik untuk menganalisis kuantiti keseronokan dengan mempertimbangkan beberapa elemen. Nyatakan tiga daripada elemen yang tersebut.
- Jangka masa (duration) keseronokan.
 - Ketulenan atau kecenderungan
 - Kesegaraan atau kelambatan dalam pengalaman bagi keseronokan
 - Kepastian keseronokan yang telah berlaku.
- A. i, ii dan iii
B. i, ii dan iv
C. i, iii dan iv
D. ii, iii dan iv
13. Pengaruh persekitaran sosial, sikap mempertahankan diri sendiri dan ketidakanjalan dalam motif dan dorongan adalah faktor wujudnya bagi aliran
- eksistensialisme.
 - deontologis.
 - utilitarianisme.
 - egoisme.
14. Teori perkembangan moral terdapat lima aliran teori antaranya
- sikoanalisis, behaviourisme dan pembelajaran sosial.
 - consciousme, kesedaran dan perkembangan moral kognitif.
 - pembelajaran tingkah laku, autonomous dan humanistik.
 - pembelajaran sosial, consciousness dan psikoanalisis.
15. Terdapat tiga komponen dalam pemikiran manusia yang dijelaskan oleh tokoh teori psikoanalisis. Siapakah tokoh tersebut?
- Skinner
 - Sigmund Freud
 - Jean Piaget
 - Lawrence Kohlberg

16. Apakah gabungan suara batin dan ego-unggul yang berfungsi untuk menentukan tingkah laku?
- A. Ego
 - B. Id
 - C. Super ego
 - D. Conscious
17. Piaget membahagikan kepada empat peringkat perkembangan intelek yang dilalui oleh kanak-kanak seperti di bawah.
- A. Sensori hygiene, praoperasi, operasi mental dan operasi kekuatan.
 - B. Sensori motor, praketahanan, operasi konkrit dan operasi badan.
 - C. Sensori hygiene, prakesedaran, operasi mental dan operasi pertumbuhan.
 - D. Sensori motor, praoperasi, operasi konkrit, dan operasi formal.
18. Apakah implikasi teori Bandura dalam pendidikan moral?
- i. Ibu bapa dan guru menjadi contoh yang baik
 - ii. Perhatian yang tinggi terhadap respon kanak-kanak
 - iii. Alat bantu mengajar menggunakan internet
 - iv. Sosialisasi ibu bapa
- A. i dan ii
 - B. i dan iii
 - C. ii dan iv
 - D. i, ii dan iii
19. Carl Rogers menyatakan konsep diri adalah
- A. Kemampuan batin yang kukuh tentang pengalaman yang berhubungan dengan saya dan orang lain
 - B. kesedaran batin yang tetap, tentang pengalaman yang berhubungan dengan aku dan membezakan aku dengan yang bukan aku
 - C. keupayaan batin yang teguh tentang pengalaman yang berhubungan dengan aku dan membezakan aku dengan orang lain.
 - D. Kelahiran batin yang kuat tentang pengalaman yang berhubungan dengan saya dan membezakan saya dengan orang lain.

20. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah mengusahakan penubuhan
- A. Kesatuan Melayu Great Britain
 - B. Yayasan Al-Bukhary
 - C. Persatuan Sasterawan Melayu
 - D. Institut Keselematan dan Kesihatan Pekerjaan
21. Abdul Malik Karim Amrullah atau lebih dikenali sebagai HAMKA telah meneliti karya ulama dan sarjana dari negara berikut, iaitu
- A. Perancis, Inggeris dan Jerman.
 - B. Jepun, Perancis, Turki.
 - C. Inggeris, India dan Jerman.
 - D. Indonesia, Perancis dan Inggeris.
22. Mahatma Ghandi telah berjaya membawa India keluar daripada Empayar British. Apakah usaha Ghandi bagi rakyat India?
- A. Mengasaskan satu aliran falsafah kasta.
 - B. Menyatupadukan rakyat India dengan menghapuskan hukum kasta.
 - C. Menjalankan amalan pertapaan bagi mengenal erti susah payah hidup.
 - D. Melalui sistem pendidikan bagi mewujudkan keseimbangan sejati antara manusia.
23. Mengapakah Ghandi ditembak mati oleh seorang rakyat Hindu?
- A. Memeluk agama Islam.
 - B. Amalan kasta dihentikan.
 - C. Melakukan pertapaan di dalam gua selama enam bulan.
 - D. Menginginkan rakyat hindu dan Islam diberikan hak yang sama.
24. LGBT ialah singkatan bagi perkataan Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender. Kes ini wujud sejak tahun 1990. Punca berlakunya LGBT ini adalah seperti berikut
- i. Pengaruh rakan sebaya
 - ii. Pengalaman pahit
 - iii. Kelemahan peraturan dan penguatkuasaan
 - iv. Pegangan agama yang kuat
- A. i, ii
 - B. i, iii
 - C. ii, iv
 - D. i, ii, iii

25. Manakah antara berikut pernyataan yang **BENAR** tentang Pernerdagangan Manusia?

- A. Gejala ini akan menyebabkan aktiviti pelacuran akan berleluasa.
- B. Aktiviti ini boleh dikaitkan dengan penyeludupan rokok dan ganja.
- C. Pernerdagangan manusia akan merosakkan institusi keluarga.
- D. Aktiviti pernerdagangan manusia mengakibatkan masalah sosial dalam masyarakat akan meningkat.

26. Seks bebas ialah hubungan seksual yang dilakukan di luar ikatan perkahwinan baik suka sama suka mahupun dalam dunia pelacuran. Bagi Camelia Leyland warga Cornwall Inggeris menyatakan beliau merasa tertekan dalam budaya masyarakat Barat yang menuntut sosial agar wanita berlaku sama dengan lelaki, dengan minum minuman keras dan seks bebas. Sedangkan orang Barat juga tidak gemar gejala ini malahan akhirnya memeluk agama yang benar iaitu Islam. Berdasarkan gejala tersebut akan memberi kesan yang besar iaitu

- A. kehamilan anak sebelum berkahwin dan pembuangan bayi secara berleluasa.
- B. dapat menambahkan zuriat yang ramai.
- C. duit yang banyak akan diberikan.
- D. keseronakan seks akan berleluasa.

27. Menurut Berita AWANI kira-kira 3000 kes buli di sekolah pada tahun 2015 berkurangan sebanyak seribu. Sebagai contoh kes buli terdapat seorang murid tahun dua dipaksa menggantung lidahnya sendiri akibat dibuli oleh pelajar tahun tiga di Klang. Dengan mudah mereka membuli pelajar baru untuk menunjukkan mereka mempunyai kuasa dan kuat. Berdasarkan gejala ini punca-punca berlakunya kes buli adalah seperti berikut
KECUALI

- A. pengaruh rakan sebaya.
- B. media massa.
- C. kegagalan institusi keluarga.
- D. pengawasan pihak sekolah.

28. Apakah sebab seseorang individu tidak dapat mengawal pemikiran rasional mereka?

- i. Orang yang berjaya dan cekap barulah dianggap berguna
- ii. Seorang mesti dikasihi dan diterima oleh setiap orang dengan alasan
- iii. Orang yang jahat dan busuk hati akan disalahkan dan dihukum
- iv. Orang yang bertanggungjawab terhadap sesuatu perkara tidak perlu rasa bersalah kerana perkara yang mengikut apa yang diinginkan.

- A i dan ii
B i dan iii
C ii dan iv
D i, ii dan iii

29. Mengikut penganut Kritsian terdapat sepuluh rukun yang perlu dipertimbangkan dalam membuat keputusan konflik. Berikut adalah sebahagian daripada rukun-rukun tersebut, iaitu

- i. boleh menggunakan nama Tuhan bila-bila masa pada semua perkara.
- ii. Jesus mengajar pengikutnya mengakui kewujudan Tuhan.
- iii. Jesus mengajar Tuhan itu dua sahaja.
- iv. mengingatkan Kemuliaan hari Ahad.

- A i dan ii
B i dan iii
C ii dan iv
D i, ii dan iii

30. Dalam agama Islam akal berfungsi melakukan aktiviti pemikiran namun pengaruh jiwa dan roh sangat kuat. Apabila berlakunya konflik, Islam menganjurkan penganutnya supaya mengutamakan beberapa perkara seperti

- i. mendengar tazkirah
- ii. solat
- iii. banyak berdoa
- iv. membantu manusia

- A i dan ii
B i dan iii
C ii dan iv
D i, ii dan iii

[30 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan berstruktur. Jawab semua soalan di dalam Buku Jawapan.

Soalan 1

- i. Berikan maksud pernyataan normatif dan contohnya. (2 Markah)
- ii. Terangkan empat fungsi nilai berserta contoh. (8 Markah)

Soalan 2

- i. Nyatakan definisi teori teologi. (2 Markah)
- ii. Huraikan empat kelemahan dan kritikan teori di atas. (8 Markah)

Soalan 3

- i. Berikan maksud tiga dimensi moral. (3 Markah)
- ii. Jelaskan tiga prinsip asas dalam menentukan insan bermoral. (7 Markah)

Soalan 4

- i. Nyatakan dua kepentingan sosialisasi. (2 Markah)
- ii. Terangkan secara ringkas peranan agen moral dalam proses sosialisasi. (8 Markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Di Malaysia pelbagai kemudahan diberikan oleh kerajaan kepada rakyat tetapi malangnya kebanyakan daripada kemudahan awam yang disediakan ini rosak. Hal ini disebabkan oleh sekumpulan remaja yang tidak bertanggungjawab asyik merosakkan kemudahan awam ini dengan sewenang-wenangnya.

Bincangkan dua kesan vandalisme ke atas masyarakat dan negara serta tiga langkah yang boleh diambil bagi mengatasi gejala ini.

(15 markah)

SOALAN 2

Menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Asisten Komisioner Ong Chin Lan memberitahu bahawa setiap tahun polis menerima beribu-ribu kes rogol tetapi setelah disiasat, lebih 60 peratus daripadanya bukan kes rogol tetapi melibatkan aktiviti seks secara rela.

Jelaskan isu seks bebas dengan menerangkan lima kesan perbuatan tersebut dan cara-cara untuk menangani masalah ini.

(15 markah)

SOALAN 3

Gejala LGBT tidak asing lagi berlaku dalam kalangan remaja pada hari ini. Gejala ini dilihat semakin meningkat dan bertambah dari semasa ke semasa yang melibatkan golongan remaja pada peringkat IPT khususnya.

Berdasarkan kenyataan di atas, huraikan lima masalah LGBT dalam kalangan siswazah-siswazah di universiti atau kolej berserta kesan-kesannya dan langkah-langkah untuk mengatasi perkara ini daripada berleluasa.

(15 markah)

[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

